



Reference No : BDS/04/2026  
Date : 24 February 2026

## KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

### JEMPUTAN MENYERTAI RANGKAIAN SANCTUARIES OF PEACE

Salam sejahtera Tuan/Puan yang amat kami hormati

BDS Malaysia menjemput perniagaan Tuan/Puan untuk menyertai rangkaian '**Sanctuaries of Peace**' yang kian berkembang pesat di seluruh dunia.

Rangkaian ini bertujuan untuk mempertingkatkan tekanan ke atas rejim Zionis Israel dan entiti-entiti yang membantunya untuk memberhentikan genosida yang sedang mereka lakukan ke atas rakyat Palestin. Dan seterusnya mereka harus menghormati hak asasi rakyat Palestin demi mewujudkan keamanan dan keadilan sejagat di rantau itu.

Dengan membuat ikrar seperti yang terhurai di lampiran, urus niaga anda akan secara rasmi tergolong ke dalam rangkaian '**Sanctuaries of Peace**' sebagai sebuah perniagaan yang beretika dan selari dengan nilai-nilai insan kemanusiaan yang menolak genosida dan segala bentuk penindasan.

Kami mengalu-alukan penyertaan perniagaan anda dan bersedia untuk menjawab sebarang pertanyaan mengenai perkara ini di pautan yang tertera >>  
<https://sanctuariesofpeace.org/ms/>

Terima kasih.

BDS Malaysia.